

ISNIN, 2 OKTOBER, 1978

## Kesan lawatan Dr. Mahathir

**LAWATAN** Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat sekarang telah memberi kesan baik terhadap suasana pelaburan dan perusahaan di Malaysia.

Amerika memang telah mempunyai beberapa kepentingan di Malaysia terutama dalam bidang carigali minyak, elektronik dan perdagangan biasa.

Setelah mengadakan beberapa seminar dan berbincang dengan golongan-golongan yang penting dalam bidang pelaburan dan perusahaan, maka Timbalan Perdana Menteri nampaknya telah dapat meyakinkan mereka mengenai peraturan-peraturan dan syarat-syarat melabur dan membuka perusahaan dan perniagaan di Malaysia, misalnya tentang dasar Malaysia dalam perusahaan minyak petrol dan perkilangan.

Bahawa usaha Dato Seri Dr. Mahathir telah berjaya tidaklah dapat disangkal lagi mengingat beberapa syarikat minyak Amerika yang besar-besar telah menunjuk minat dalam bidang mencarigali minyak di kawasan-kawasan baru yang diduga mempunyai "emas cair" itu.

Menurut Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu, ada syarikat-syarikat minyak yang telah pun menjalankan kegiatan mereka di sini, kini bercadang hendak mengembangkan kegiatan-kegiatan itu.

Perusahaan minyak di Amerika banyak dijalankan di Texas. Perihal ada syarikat-syarikat di sana yang menaruh minat terhadap kawasan-kawasan carigali minyak baru di Malaysia adalah menunjukkan kepercayaan mereka terhadap keadilan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di negara ini.

Di bidang elektronik, Amerika dan Jepun berlumba-lumba membuat pelaburan di sini. Sungguhpun Jepun, nampaknya, masih lagi mendahului, tetapi Amerika tidak pula jauh di belakang. Dato Seri Dr. Mahathir telah berjaya menarik minat sebuah syarikat elektronik Amerika di Texas yang sekarang bercadang hendak mengembangkan perusahaan dan pengeluarannya di sini dan membuat barang-barang yang siap lengkap pula, tidak seperti dahulu hanya membuat barang-barang komponennya.

Syarikat-syarikat di Amerika pun ada cadangan-cadangan sendiri berhubung dengan pelaburan mereka di sini kelak dan untuk kebaikan bersama cadangan-cadangan itu perlu dikaji dahulu sebelum sesuatu keputusan dibuat. Malaysia perlu berhati-hati dalam membuat tawaran dan menerima pelaburan, agar faedahnya dapat dibahagikan dengan dil. Dalam hubungan ini, yang menerima harus memberi sedang yang memberi harus menerima pula.